

08/08/2004

Perhimpunan Umno 2004: Pemilihan pemimpin dan perspektif politik Melayu

By Noor Azam

TAN SRI MOHD ISA SAMAD: MENEKANKAN PENTINGNYA MENGHAYATI SEJARAH DAN MENGUKUHKAN PERPADUAN

MAJORITI rakyat Malaysia, terutama peribumi, masih percaya dan berharap pada Umno. Inilah ayat penutup tulisan saya minggu lalu. Oleh sebab itulah apa yang berlaku dalam Umno, terutama perubahan barisan pemimpinnya, sentiasa mendapat perhatian umum. Merekalah yang memerintah dan menentukan kehidupan kita sekarang dan akan datang. Justeru prestasi mereka sebagai menteri dan pemimpin politik sentiasa jadi bahan bisikan dan komentar.

Perdana Menteri sedang bekerja keras "mengurus kejayaan" dan melakukan perubahan. Akan tetapi kejayaannya - selain pegawai kerajaan - bergantung kepada pemimpin parti, terutama yang memegang jawatan di peringkat pusat dan negeri. Kedudukan mereka sebagai menteri dan pemimpin politik banyak bergantung kepada undi ahli dalam mesyuarat bahagian dan Perhimpunan Agung. Perdana Menteri dan Timbalannya telah mendapat sokongan penuh 100 peratus.

Maka rakyat ingin melihat siapa yang akan menduduki barisan Majlis Tertinggi. Apakah mereka pemimpin yang berwibawa, yang boleh memenuhi 'kepercayaan' dan 'harapan' rakyat? Sanggupkah mereka mendengar pelbagai cerita resah-gelisah rakyat? Akan adakah pemikiran dan perspektif politik yang baru?

Wawancara akhbar Berita Minggu (BM) dan Mingguan Malaysia (MM) dengan beberapa tokoh yang menawarkan diri bertanding jawatan Naib Presiden (NP) telah memberi peluang kita melihat sedikit sebanyak pemikiran dan perspektif politik Melayu, khususnya Umno.

Kita mulai dengan wawancara MM dengan Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad dan Datuk Zaid Ibrahim, ahli Parlimen Kota Bharu (4 Julai 04). Tan Sri Isa, 54 adalah 'orang lama' - jadi Menteri Besar selama 22 tahun dan Ahli MT 20 tahun. Datuk Zaid - walaupun umur hampir sama, 53, adalah 'orang baru' - kali pertama jadi Ahli Parlimen dan Ketua Bahagian. Tan Sri Isa diwawancara sekali lagi dalam BM (1 Ogos 04).

Isu pokok yang ditanyakan dalam wawancara itu adalah sama. Tetapi dalam jawapannya Tan Sri Isa lebih melihat ke belakang dan berpegang kepada perspektif sejarah dan menekankan pentingnya "perpaduan". Sikapnya nampak berpandu kepada pepatah: Ibarat menarik rambut dalam tepung, rambut jangan putus, tepung jangan berselerak.

Menjawab pertanyaan mengapa "Membuat percubaan kali kedua bertanding NP?" Jawab Tan Sri Isa: "Pertandingan dalam parti bukan satu percubaan. Ia satu tawaran ikhlas daripada saya untuk berkhidmat kepada parti, agama, bangsa dan negara menerusi jawatan itu. Saya sudah agak begitu lama dalam MT. Pengalaman itu boleh dikongsi dalam parti menerusi jawatan NP."

Kata Tan Sri Isa, "Dalam menghadapi cabaran dalam negara dan antarabangsa, paling penting kepada orang Melayu ialah mesti sentiasa bersatu. Keperluan bersatu ini bukan sengaja saya sebut. Ia penting bukan saja untuk abad ini malah sejak dulu dan selepas ini. Ketika Umno ditubuhkan pada 1946, perpaduan itulah faktor utama kepada orang Melayu mengangkat martabat dan memastikan survival mereka pada abad berkenaan."

Tegasnya: "Cerita sejarah ini penting diingat dan dihayati kerana soal perpaduan bukan isu satu musim. Semangat dan tujuan penyatuan itu tidak boleh dilupakan begitu saja."

DATUK ZAID: MENEKANKAN KELEMAHAN PEMIMPIN, KETERBUKAAN, KEPELBAGAIAN DAN BUDAYA POLITIK INTELEKTUAL

SEBALIKNYA Datuk Zaid lebih banyak melihat ke depan. Lebih terbuka melihat masalah dan cara bertindak, dan mahukan perubahan yang agak drastik.

Mengapa menawarkan diri? Jawabannya, "Saya percaya Umno memerlukan kepemimpinan yang meluas dengan kepelbagaian di dalamnya. Mereka yang menjadi menteri sudah tentu akan menjalankan tugas. Tetapi ahli-ahli Umno yang bukan dalam kerajaan juga perlu memastikan dasar dan keputusan yang dibuat itu mengikut kehendak orang Melayu dan parti. Tawaran saya ini adalah untuk memberi check and balance dalam parti."

Namun bagi Tan Sri Isa: "Apa yang dibawa dalam mesyuarat MT kebanyakannya adalah suara-suara daripada orang di luar kerajaan. MT tidak pernah bersidang dalam keadaan terkongkong. Keterbukaan menjadi amalan."

Mengenai masalah orang Melayu, Datuk Zaid berpendapat: "Sudah sampai masanya kita melihat kelemahan Melayu sebagai kelemahan kepemimpinan Melayu. Kerana gagasan kita juga luas. Umno mestilah sanggup membuka ruang dan mengambil kira pandangan yang lebih luas daripada cerdik pandai dan profesional Melayu. Kita jangan menyempitkan penentuan hal-hal itu hanya kepada kabinet dan MT yang mana dianggotai oleh orang yang sama. Apa salahnya Umno melakukan anjakan paradigma."

Beliau menambah: "Perdana Menteri telah menyatakan proses perubahan tentang keterbukaan, ketelusan, demokrasi dan akauntabiliti. Kita tidak boleh mencapai matlamat yang besar ini kalau budaya kita belum menjurus kepada persekitaran yang membolehkannya boleh berlaku."

Apakah cita-cita PM itu sukar dicapai sekiranya Umno tidak berubah? Jawab Datuk Zaid, "Ya. Kalau kita mahu ada ketelusan, kita harus ada budaya terbuka. Kita juga harus menerima baik budaya politik yang lebih intelektual dan tidak terlalu beremosi."

Tambah beliau, "Budaya kita apabila hendak mengatakan sesuatu yang agak kritikal kita takut menyinggung perasaan orang lain. Politik naungan memang ada dan berleluasa. Mungkin ada orang yang marah dengan pandangan ini, tetapi itulah penilaian saya kepada keadaan dan persekitaran semasa."

Datuk Zaid yang "tidak akan menerima apa-apa jawatan dalam kerajaan walaupun ditawarkan" menegaskan: "Saya tidak pernah kerja dengan kerajaan. Ia tidak sesuai dengan saya kerana dunianya berbeza dan cara hidupnya berbeza. Ada kalanya kita memerlukan orang kerajaan yang tiada jawatan dalam parti, dan begitu juga sebaliknya."

Datuk hendak menjual idea ini? Jawabnya, "Ya. Jangan kita penuhkan MT dengan anggota kerajaan, semata-mata kerana mereka berjumpa dengan PM setiap minggu. Benarkanlah MT turut dianggotai oleh orang lain kerana kriteria menjadi seorang menteri atau ahli MT yang baik, kepada saya tidak sama. Ia ruang permainan yang berbeza. Suatu hari nanti sepatutnya mereka yang terbaik dalam bidang perbankan, ekonomi, perundangan diberikan tempat menjadi menteri. Apa salahnya kalau mereka itu tidak ada apa-apa jawatan dalam parti."

Bagi Tan Sri Isa, ini bukan isu baru. Katanya: "Dulu, tahun 2000 memang Anda dijadikan sebagai isu kempen untuk meramaikan golongan tidak ada jawatan dalam kerajaan supaya ada dalam MT."

Soalan terakhir: Katakanlah idea ini tidak diterima? Jawab Datuk Zaid, "Saya percaya kalau bukan sekarang, ia akan diterima suatu hari nanti. Perubahan mesti berlaku. Umno tidak harus statik. Apa yang statik tidak akan kekal. Ini lumrah zaman." (Ketika Tun Dr Mahathir melantik profesional jadi menteri, ramai juga orang Umno yang merungut.)

**POLITIK DAN WANG TELAH BERGABUNG JADI SATU. PERPADUAN DAN SEJARAH TIDAK LAGI JADI PERTIMBANGAN. UMNO TIDAK BOLEH LAGI BERGANTUNG KEPADA JAMPI MANTERA POLITIK LAMA**

SENGAJA saya perturunkan petikan wawancara ini agak panjang. Amatlah berguna jika kita dapat melihat dua pemikiran dan perspektif politik yang

berbeza. Kedua-duanya sedikit sebanyak mewakili dua golongan - baru dan lama, tua dan muda.

Datuk Zaid tidak cukup pencalonan untuk NP dan juga MT. Tan Sri Isa cukup pencalonan untuk kedua-duanya. Untuk negeri Kelantan nampaknya orang Kelantan dan juga negeri lain, memberi sokongan kepada Datuk Mustapa Mohamad. Melihat senarai pencalonan, nampaknya sukar bagi yang tidak memegang apa-apa jawatan, mendapat tempat dalam MT. Rata-rata, pertimbangan politik orang Umno dalam memilih ahli MT masih belum berubah.

Dari sudut lain, jika dilihat pergolakan politik Melayu semenjak peristiwa "Team B" mencabar "Team A" dan peristiwa Datuk Seri Anwar Ibrahim, bagi sebahagian orang Melayu - termasuk ahli dan pemimpin Umno - terutama generasi muda, "perpaduan" tidak lagi jadi faktor atau pertimbangan yang penting. Mereka lebih melihat kepada keutuhan dan kesesuaian pemimpin menangani isu semasa dan juga sejalan dengan pemikiran serta sikap politik mereka. Jika terpaksa berpecah, berpecahlah! Jika perlu bekerjasama dengan musuh ketat politik pun, tak mengapa.

Matlamatnya mengalahkan lawan yang walaupun dulunya kawan sebantol dan seiring jalan. Justeru kalau Umno masih mengharapkan sangat "perpaduan" dapat menyihatkan dan mengukuhkan Umno, mungkin akan kecundang lagi.

Sebahagian besar generasi muda tidak kenal sejarah, jauh sekali menghayatinya. Dunia dan kehidupan baru dikuasai oleh ekonomi dan material - perusahaan dan perdagangan - bukan lagi semangat dan nasionalisme.

Politik dan wang telah bergabung menjadi satu. Di negara yang ramai penduduk Islam, agama turut memainkan peranan yang besar pengaruh dan kesannya. Justeru Umno tidak mungkin lagi bergantung kepada jampi mantera politik lama.

(No 86, Jalan SS22/32, Damansara Jaya, Selangor - 5 Ogos 04).

(END)